

**TEKS UCAPAN  
YDH INSPEKTOR JENERAL  
TAN SRI DATO' SRI KHALID BIN ABU BAKAR  
KETUA POLIS NEGARA  
SEMPENA MAJLIS MENANDATANGANI  
NOTA KERJASAMA DI ANTARA POLIS DIRAJA MALAYSIA,  
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA, ARKIB  
NEGARA MALAYSIA,  
DAN INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA  
SERTA PELANCARAN  
KOD ETIKA, PELAN INTEGRITI DAN  
PEMATUHAN STANDARD  
POLIS DIRAJA MALAYSIA**

**TARIKH : 21 JUN 2016 (SELASA)  
MASA : 3.00 PETANG  
TEMPAT : DEWAN THEATRETTE  
BUKIT AMAN**

*Bismillahirrahmanirrahim*

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.**

Yang Berusaha  
Pengacara Majlis

Yang Berhormat  
Senator Datuk Paul Low Seng Kuan  
Menteri Jabatan Perdana Menteri  
(Pentadbiran, Integriti dan Hak Asasi Manusia)

Yang Berbahagia  
Dato' Sri Alwi bin Hj. Ibrahim  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Dalam Negeri

Yang Berbahagia  
Dato' Sri Haji Mustaffar bin Haji Ali  
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan)  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Yang Berbahagia  
En. Azemi bin Abdul Aziz  
Ketua Pengarah  
Arkib Negara Malaysia

Yang Berbahagia  
Dr. Anis Yusal bin Yusoff  
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif  
Institut Integriti Malaysia

Yang Dihormati  
Datuk Seri-Datuk Seri dan Datuk-Datuk Pengarah-Pengarah PDRM

Yang Dihormati  
Komisioner Polis  
Dato' Jalaluddin bin Abdul Rahman  
Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard

Yang Dihormati Tan Sri-Tan Sri, Datuk Seri-Datuk Seri, Datuk-Datuk, dif-dif jemputan, rakan-rakan media, tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian.

**Alhamdulillah**, sebentar tadi kita telah sama-sama menyaksikan upacara **Menandatangani Nota Kerjasama** yang melibatkan empat (4) agensi iaitu **Polis Diraja Malaysia (PDRM)**, **Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**, **Arkib Negara Malaysia (ANM)**, dan **Institut Integriti Malaysia (IIM)**.

Untuk itu, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada **Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Arkib Negara Malaysia, dan Institut Integriti**

**Malaysia** yang sudi berkolaborasi dengan PDRM ke arah memperkasakan integriti pasukan.

Dalam usaha sama dengan **SPRM** misalnya, PDRM dan SPRM akan **berkongsi kepakaran dan maklumat** dalam aspek **operasi, pencegahan dan latihan**. PDRM dan SPRM juga akan **melaksanakan program-program meningkatkan integriti** ke arah peningkatan kapasiti dan kemampuan dalam membanteras jenayah rasuah.

Dalam usaha sama dengan **IIM** pula, kami akan mengadakan **program latihan** di samping melaksanakan **kajian penyelidikan** meliputi kajian keberkesanan untuk melihat *outcome* program atau aktiviti yang dilaksanakan. Kajian Pembangunan juga akan dilakukan dalam membantu meningkatkan integriti dan produktiviti warga pasukan.

Manakala usaha sama dengan **ANM** akan memberi tumpuan terhadap pelaksanaan **Program Pengurusan Rekod PDRM** bagi mematuhi peraturan dan standard yang sedia ada dalam Pengurusan Rekod.

Semoga kolaborasi dan kerjasama ini akan berterusan di dalam projek-projek yang lain pula, yang akan membawa manfaat dan faedah kepada warga PDRM, masyarakat dan negara yang tercinta ini, insyaAllah.

**Yang Berhormat Datuk, Tan Sri-Tan Sri, Datuk Seri-Datuk Seri, Datuk-Datuk, serta hadirin yang dihormati sekalian**

PDRM sentiasa komited dalam melaksanakan misi untuk “Memberi Perkhidmatan Profesional dan Berkualiti dalam Melindungi Negara Bagi Menjamin Masyarakat Selamat, Aman Dan Sejahtera”. Begitu juga iltizam kita untuk mencapai visi sebagai “Peneraju Bagi Mengekalkan Malaysia Selamat, Aman Dan Sejahtera”. Dalam mencapai misi dan visi tersebut, kita sekarang berada di peringkat pelaksanaan Pelan Transformasi & Pelan Strategik PDRM bagi fasa 2015-2020.

Satu daripada teras utama yang digariskan di dalam pelan tersebut adalah **Pengukuhan Organisasi**, dengan bidang keberhasilan (KRA) yang perlu dicapai antaranya adalah **Pemantapan Integriti dan Pematuhan Standard**. Malah, PDRM telahpun meletakkan nilai **integriti** di dalam setiap komponen perkhidmatan yang diberi, mengikut pematuhan standard yang ditetapkan.

**Yang Berhormat Datuk, Tan Sri-Tan Sri, Datuk Seri-Datuk Seri, Datuk-Datuk, serta hadirin yang dihormati sekalian**

Satu elemen penting yang dapat membantu ke arah pengukuhan integriti warga organisasi adalah **amalan etika yang baik**. Dari sudut profesionalisme, **kod etika** memainkan peranan yang penting dalam membentuk nilai tanggungjawab dan hubungan yang harmoni di kalangan warga organisasi serta komuniti. Kod etika ini merupakan satu 'tools' yang boleh digunakan sebagai panduan dalam pembentukan disiplin diri dan etika warga PDRM.

Dalam hal ini, PDRM perlu beroperasi dengan standard etika yang tinggi berpandukan undang-undang dan peraturan. Setiap tingkah laku perlu berasaskan kepada nilai-nilai bersama di dalam akronim "**PRINSIP**", iaitu:

- **P** - Prihatin dan komited dalam melaksanakan fungsi PDRM bersama masyarakat.
- **R** - Responsif dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.
- **IN** - Integriti sebagai teras perkhidmatan.
- **S** - Semangat satu pasukan menjadi budaya ke arah mencapai misi dan visi.
- **I** - Inovasi dan kreatif menjadi amalan dalam meningkat kualiti perkhidmatan.
- **P** - Profesional ke arah merelisasikan kepolisan moden.

Justeru, saya menyeru setiap warga PDRM untuk menghayati, mematuhi, dan membudayakan Kod Etika tersebut, supaya kita dapat sama-sama menzahirkan pasukan yang berintegriti dan beretika. Usaha kita ini wajib dilaksanakan secara bersepadu agar PDRM sentiasa dihormati oleh masyarakat.

**Yang Berhormat Datuk, Tan Sri-Tan Sri, Datuk Seri-Datuk Seri, Datuk-Datuk, serta hadirin yang dihormati sekalian**

Kita akur bahawa **integriti** adalah satu nilai penting kepada sesebuah organisasi, apatah lagi kepada PDRM yang sentiasa berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran, sama ada dari dalam atau luar organisasi. Isu integriti bukan semata-mata merujuk kepada isu-isu salah laku atau rasuah semata-mata, tetapi turut merangkumi segala amalan positif dalam sesebuah organisasi.

Budaya kerja itu sendiri menuntut amalan berintegriti yang merangkumi pelbagai aspek, antaranya integriti dalam ketepatan waktu, integriti dalam menyampaikan maklumat dan paling penting, integriti dalam memberi perkhidmatan terbaik. *In other words, a simple definition of “integrity” is doing the right thing.* Sehubungan itu, sesebuah organisasi tidak terlepas dalam memantapkan prinsip ketelusan, pertanggungjawaban dan tadbir urus terbaik dalam memenuhi harapan serta kehendak masyarakat.

Syukur alhamdulillah, kita akan melancarkan **Pelan Integriti PDRM 2016-2020** pada hari ini. Pelan ini merupakan kesinambungan kepada Pelan Integriti PDRM yang terdahulu. Penambahbaikan pelan integriti ini bertujuan memastikan visi dan misi PDRM direalisasikan, dalam mencapai “ultimate aim” kita, iaitu memberi perkhidmatan kepolisan bertaraf dunia kepada masyarakat.

Pelan Integriti ini mengandungi 6 elemen nilai teras iaitu sifat **Integriti itu sendiri, Bermoral, Beretika, Keagamaan, Kerohanian dan Profesionalisme**. Keenam-enam elemen ini adalah seiring bagi mendokong **lima (5) strategi** yang akan memberi sinergi bagi meningkatkan integriti dan pematuhan standard warga kerja PDRM. Lima (5) strategi tersebut adalah:

1. Memantapkan Pengurusan Pentadbiran dan Pematuhan Standard.
2. Meningkatkan Keberkesanan Sistem Perkhidmatan Penyampaian.
3. Memantapkan Pengurusan Sumber Manusia.
4. Memperkasakan Imej PDRM Ke Arah Kepolisan Moden, dan

## 5. Mensejahterakan Institusi Kekeluargaan.

Apa yang penting, objektif Pelan Integriti ini adalah bagi memastikan semua warga kerja PDRM memahami Etika dan Pematuhan Standard, meningkatkan tahap keyakinan masyarakat, serta meletakkan Pasukan dalam arena perkhidmatan kepolisan bertaraf dunia.

**Yang Berhormat Datuk, Tan Sri-Tan Sri, Datuk Seri-Datuk Seri, Datuk-Datuk, serta hadirin yang dihormati sekalian**

Bertitik-tolak dari Pelan Integriti PDRM 2016-2020, PDRM juga perlu memberi penekanan kepada aspek **Pematuhan Standard**. Pematuhan Standard ini perlu dilaksanakan seiring bersama-sama Pelan Integriti yang dirangka, di mana ia akan menjadi “penyokong” kepada usaha pemantapan integriti warga pasukan. Atau dengan kata lain, terdapat “korelasi” yang signifikan di antara pematuhan standard dan pemantapan integriti.

Pematuhan Standard ini akan bertindak sebagai satu garis panduan yang boleh menjadi pandu arah kepada setiap warga PDRM dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mengikut jawatan. Dalam masa yang sama, ia juga merupakan satu pendekatan berbentuk “pencegahan” daripada berlakunya pelanggaran salah laku oleh anggota dan pegawai polis. Maka, dengan terzahirnya **Manual Pematuhan Standard** yang mantap serta terperinci, pelaksanaan tugas oleh warga PDRM akan lebih teratur, di samping dapat membendung sebarang kesilapan serta menghindar kelemahan daripada berlaku.

**Akhir kata**, sekali lagi saya serta seluruh warga PDRM, dengan penuh hormat dan takzim, mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada dif-dif jemputan khususnya dari **Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Arkib Negara Malaysia**, dan **Institut Integriti Malaysia** di atas kehadiran dan penyertaan pada hari ini. Saya juga menyeru kepada semua Pengarah, Pesuruhjaya, Ketua-Ketua Polis Negeri, dan Ketua-Ketua Formasi untuk **memastikan pelaksanaan** terhadap **Kod Etika, Pelan Integriti** dan **Pematuhan Standard** di formasi masing-masing, **tanpa gagal**.

Dengan penuh rasa kesyukuran terhadap Allah SWT, dan lafaz:

***“Bismillahirrahmanirrahim”***

Saya dengan ini melancarkan,

- **Kod Etika PDRM**
- **Pelan Integriti PDRM 2016-2020, dan**
- **Manual Pematuhan Standard PDRM**

dengan rasminya.

**Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.**

**Terima kasih.**